

Pengelompokan Pelajar Sains Dan Teknologi Perlu Diperluas - Raja Muda Perlis Bernama
24 September, 2012

KANGAR, 24 Sept (Bernama) -- Pengelompokan pelajar dalam jurusan sains dan teknologi perlu diperbesarkan bagi membantu mengimbangi lonjakan teknologi negara maju, titah Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Baginda bertitah walaupun pengelompokan telah bermula, saiznya perlu diperbesar malah ia seharusnya bermula di peringkat sekolah rendah kerana pergerakan dan peredaran sistem teknologi semakin pantas.

Bertitah merasmikan sambutan 100 tahun Sekolah Kebangsaan Utan Aji (SKUA) dekat sini hari ini, baginda berharap pengelompokan itu bukan sekadar memusatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan pelajar tetapi akan membantu meningkatkan jumlah pakar sains dan teknologi yang berkualiti untuk negara.

Baginda yakin jika jumlah pakar sains dan teknologi bertambah besar, kegiatan inovasi sains dan teknologi akan berkembang ke tahap maksima di samping berupaya menjana kejayaan dalam bidang lain yang boleh membantu meningkatkan pendapatan negara.

Raja Muda Perlis turut mencadangkan kerajaan menggiatkan pertandingan rekacipta dan memperkemaskan modul pengajaran sains dan teknologi serta membuka ruang kepada penggiat inovasi untuk membina platform di peringkat antarabangsa.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696757>